

12 DEC 2001

Ling-Utar

DR MAHATHIR AKAN RASMI PENGAMBILAN PERTAMA PELAJAR UTAR

PUTRAJAYA, 12 Dis (Bernama) -- Pengambilan pertama pelajar Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) tajaan MCA akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Ling Sik berkata Dr Mahathir telah menyatakan persetujuannya hari ini untuk menghadiri majlis berkenaan yang dijangka diadakan pada Mei atau Jun depan.

"Pengambilan pertama pelajar itu satu simbolik yang membanggakan setelah sekian lama kita menunggu," katanya pada persidangan media di pejabatnya di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya jumlah pelajar yang akan mengikuti kursus di UTAR pada sesi pertama masih belum diketahui.

Katanya dokumentasi mengenai kursus yang akan dijalankan di universiti itu telah dihantar kepada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) untuk tujuan pengiktirafan.

UTAR akan menggunakan pejabat lama Star Publications di Seksyen 13, Petaling Jaya sebagai kampus sementara dan bangunan berkenaan sedang diubah suai bagi menempatkan 20 bilik kuliah, pejabat pentadbiran serta kemudahan lain bagi pelajar dan kakitangan.

Sebelum itu, Dr Ling menyampaikan cek bernilai RM20,000 sumbangan MCA kepada Tabung Ehsan Pelarian Afghanistan anjuran akhbar The Star.

Cek berkenaan diterima Ketua Pengarang Kumpulan The Star Datuk Ng Poh Tip.

Sejak dilancarkan pada 14 Okt lepas, tabung berkenaan telah mengumpul RM550,000.

-- BERNAMA
RZS AZZ LAT